

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
SOALAN : NO. 192

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI Pendidikan Tinggi** menyatakan jumlah kes direkodkan melibatkan pelanggaran tata tertib AUKU, Akta IPTS, Akta UiTM sama ada melibatkan mahasiswa atau kakitangan universiti mengikut tahun 2009 hingga 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2017, bilangan kes yang direkodkan melibatkan pelanggaran tata tertib di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti melibatkan mahasiswa adalah sebanyak 1561 kes.

Manakala bagi kes pelanggaran tata tertib di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) pula, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta untuk mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan dan undang-undang yang termaktub di bawah seksyen 33, seksyen 46 dan seksyen 47, Akta 555.

KPT telah mengambil langkah untuk membendung kes-kes pelanggaran tata tertib dengan menerbitkan buku *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi Kes – kes Tata tertib Pelajar Universiti Awam. Buku ini turut menggariskan tentang proses kerja Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar di mana Universiti Awam mempunyai autonomi dalam membuat keputusan sama ada pelajar boleh digantung pengajian atau tidak sementara menunggu keputusan mahkamah terhadap kes yang dipertuduhkan.

Penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar tidak berleluasa. Akan tetapi, Kementerian tidak mengeneipkan aspek pembangunan akhlak di samping kemajuan ilmu. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), KPT menetapkan Lonjakan 1 sebagai melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.